

30 JAN 2003

Mahathir-Sekolah

KURIKULUM SEKOLAH KEBANGSAAN AKAN AJAR ISLAM SEBENAR, PM

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata kerajaan berhasrat memperbaiki kurikulum sekolah-sekolah kebangsaan dengan menyediakan kurikulum yang mengajar agama Islam yang sebenar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak berhasrat untuk mengekalkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) kerana bantuan yang diberikan selama ini telah digunakan untuk mengajar ajaran yang bertentangan dengan agama.

Katanya langkah itu juga adalah untuk menyelamatkan pelajar-pelajar dengan menyediakan kemudahan mengajar ajaran agama Islam yang sebenar agar mereka berkelakuan baik, menganggap semua orang Islam itu bersaudara dan tidak mencampurkan ibadat dengan kepentingan lain.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir berkata pada masa ini telah ramai orang Islam yang menghantar anak-anak mereka ke SAR telah bersetuju memindahkan anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.

"Kita tahu ada pihak tertentu yang nak selamatkan SAR. Umno bukan nak selamatkan sekolah agama rakyat tetapi pelajaran agama Islam."

"Kita kata mereka (SAR) tidak mengajar agama Islam yang sebenar kerana sikap pelajar mereka yang tidak melambangkan orang beragama Islam dengan memanggil orang lain gelaran firaun dan zalim," katanya.

Dalam sidang media yang sama, Dr Mahathir juga menyentuh tentang soal konflik di Iraq dengan berkata: "Kita khuatir dengan kesan buruk kepada ekonomi akibat daripada peperangan yang mungkin berlaku di Iraq.

"Kita telah kaji kemungkinan senario-senario tertentu akan kesan daripada peperangan di Iraq."

Dari segi yang berkaitan, katanya, rakyat Malaysia perlu berhati-hati dan membelanjakan wang dengan bijak dan dengan cara ini ekonomi negara akan terus mampan.

Beliau turut menjangkakan ekonomi negara akan masih teguh di tahap empat peratus seperti tahun lalu meskipun pelbagai peristiwa-peristiwa buruk telah berlaku.

-- BERNAMA

MFZ SHI MFJ ROS